



## KENYATAAN MEDIA SUMBER PERIKANAN NEGARA KEKAL MAMPAN

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi **jawapan balas** berkaitan artikel yang bertajuk '**A Sea of Troubles**' terbitan sebuah syarikat akhbar tempatan baru-baru ini.
2. Ingin dimaklumkan bahawa tren pendaratan ikan **menunjukkan tanda-tanda pemulihian** berikutan pelbagai langkah kawalan dan pemulihan sumber perikanan dilaksanakan di seluruh negara sejak tahun 2016.
3. Pindaan Akta Perikanan 1985 yang telah dibuat pada tahun 2019 juga membantu Jabatan mengurus sumber dengan lebih baik dan mengawal aktiviti *IUU Fishing (Illegal, unreported and unregulated)*. Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 tidak terhad terhadap pencerobohan vesel asing malahan turut dikuatkuasakan kepada vesel penangkapan ikan tempatan. Kesalahan yang biasa dilakukan adalah penggunaan peralatan dilarang, menangkap ikan tanpa lesen dan pencerobohan di kawasan zon menangkap ikan.
4. Jabatan mengambil tindakan tegas terhadap vesel-vesel tempatan yang tidak mematuhi peraturan dan syarat-syarat lesen. Sehingga kini Jabatan telah berjaya mengurangkan bilangan vesel menangkap ikan dari 56,211 buah pada tahun 2015 kepada 48,826 buah pada tahun 2020.
5. DOF juga telah melaksanakan pengezonan semula kawasan penangkapan ikan di negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Selangor, Perak, Kedah dan Perlis sebagai tindakan pemulihan perairan yang mengalami kemerosotan sumber. (Rajah 1) DOF juga mensasarkan penghapusan pukat tunda di Zon B di seluruh negara demi kelangsungan sektor perikanan khususnya nelayan tempatan.
6. Kesan dari langkah pemulihan ini, pendaratan ikan zon pantai di pantai barat semenanjung telah menunjukkan peningkatan positif walaupun bilangan vesel beroperasi telah berkurangan. Pendaratan ikan Zon C mencatatkan penurunan kerana banyak vesel tidak dapat beroperasi disebabkan kebergantungan terhadap pekerja asing di mana kemasukan pekerja asing di awal tempoh wabak Covid-19 telah tersekat. (Graf 1 dan Graf 2)
7. Jumlah Taman Laut akan sentiasa dipertingkat dengan kerjasama erat Kerajaan-Kerajaan Negeri. Dijangka terdapat pertambahan bilangan pulau yang akan diwartakan sebagai Taman Laut pada tahun ini. Disamping itu, tukun-tukun tiruan turut dilabuhkan di seluruh negara. Sejak tahun 2017, sebanyak 1,606 unit tukun tiruan dengan kos melebihi RM 27 juta telah dilabuhkan di seluruh negara.

8. Jabatan mengambil maklum terdapat nelayan tempatan yang ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia terutamanya di kawasan perairan yang dikatakan bertindih. Satu forum khusus telah diwujudkan bagi membincangkan perkara tersebut melalui forum *Malaysia-Indonesia MoU Common Guideline (Memorandum of Understanding Between The Government of the Republic of Indonesia and the Government of Malaysia In Respect of The Common Guidelines Concerning Treatment of Fishermen by Maritime Law Enforcement Agencies of Malaysia and the Republic of Indonesia)*. MoU ini merupakan satu bentuk persefahaman di antara Malaysia dan Indonesia berkenaan cara layanan dan pengurusan ke atas vesel nelayan kedua-dua buah Negara di kawasan perairan yang dikatakan bertindih. Nelayan dinasihatkan sentiasa membawa peralatan GPS supaya kedudukan semasa dapat dipastikan khususnya nelayan di Zon A.
9. Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Peralatan bagi Vesel Zon A dan Zon B juga sedang giat dilaksanakan. Di bawah Belanjawan 2021 melalui Dana Jaminan Makanan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta yang disalurkan kepada Agrobank dengan kadar faedah serendah 3%. Tujuan utama program ini adalah untuk mengurangkan tekanan sumber di Zon A dan Zon B serta meningkatkan daya saing industri perikanan melalui peralatan moden yang lebih efisen dan mesra sumber. Ruang kerja dan rehat yang lebih selesa dan selamat diharap dapat menarik lebih ramai pekerja tempatan memasuki industri perikanan tangkapan negara.
10. Negara kita Malaysia telah dirahmati dengan sumber perikanan yang berkekalan sehingga kini. Sumbangan sektor perikanan dalam pembangunan ekonomi serta bekalan makanan negara tidak dapat dinafikan lagi. Kepupusan stok ikan di laut boleh terjadi dan telah terjadi di merata tepat di dunia. Segala langkah kawalan dan penambahbaikan sumber tidak akan berjaya tanpa kesedaran dan sokongan baik nelayan, pembuat dasar dan orang awam.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**


Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)  
Wisma Tani, Putrajaya

**26 Ogos 2021 (Khamis)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-


No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)  
          012-664 9570 (Aqilah)  
Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)

## PENGEZONAN SEMULA KAWASAN PENANGKAPAN IKAN DI PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA




Rajah 1 : Pengezonan semula kawasan menangkap ikan di Pantai Barat Semenanjung.

Graf 1: Pendaratan Ikan Zon Pantai Pantai Barat Semenanjung Malaysia (tan metrik)(Januari-Julai)



Graf 1: Tren pendaratan ikan di zon pantai (sehingga 30 batu nautika) Pantai Barat Semenanjung Malaysia untuk tempoh enam (6) tahun dari bulan Januari hingga Julai setiap tahun.

Graf 2: Pendaratan Ikan Zon Pantai Seluruh Negara (tan metrik)(Januari-Julai)



Graf 2: Graf menunjukkan tren pendaratan ikan di zon pantai negara untuk tempoh enam (6) tahun dari bulan Januari hingga Julai setiap tahun.